



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 3 APRIL 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **60 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **827 kes** (24.81 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 3 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **217 kes baharu** yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **3,333 kes**. Daripada 217 kes ini, 58 adalah berkaitan dengan perhimpunan Seri Petaling.

Selain itu, 44 kes telah dimasukkan ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM yang merupakan salah satu hospital COVID-19, di mana 41 kes adalah kes berkaitan madrasah tahfiz di Selangor.

Sehingga kini, seramai **108 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 54 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa sehingga kini terdapat pertambahan **tiga (3)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **53 kes** (1.59 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-51 (kes ke-2561) merupakan perempuan warganegara Malaysia berumur 84 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit jantung. Beliau telah dirawat di Hospital Sungai Buloh pada 12 Mac 2020 dan kemudian ke Institut Jantung Negara. Beliau disahkan meninggal dunia pada 2 April 2020 jam 1.07 tengah hari.
- Kes kematian ke-52 (kes ke-2122) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 52 tahun. Beliau telah dirawat di Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan pada 18 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 3 April 2020 jam 7.55 pagi.
- Kes kematian ke-53 (kes ke-2034) merupakan perempuan warganegara Malaysia berumur 73 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit jantung dan penyakit buah pinggang. Beliau telah dirawat di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak pada 24 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 3 April 2020 jam 9.30 pagi.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

ANGGOTA KESIHATAN DAN POTENSI JANGKITAN COVID-19

KKM ingin melahirkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua anggota kesihatan KKM, swasta dan juga badan bukan kerajaan (NGO) terutamanya mereka yang berada di barisan

hadapan, bertungkus lumus dalam menghadapi pandemik COVID-19 demi kepentingan Negara.

KKM ingin memaklumkan bahawa sehingga 2 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, dilaporkan bahawa terdapat **138** anggota kesihatan KKM yang telah dikesan positif COVID-19. Berdasarkan siasatan setakat ini, **TIADA** kes yang berpunca daripada pengendalian kes yang disahkan positif dari wad COVID-19 dan unit rawatan rapi (ICU) di fasiliti KKM.

Daripada jumlah tersebut, punca-punca jangkitan adalah:

- 58 kes (42 peratus) berkaitan dengan majlis perkahwinan yang dihadiri oleh individu yang juga menghadiri perhimpunan di Seri Petaling
- 14 kes (10.1 peratus) berkaitan dengan pesakit *Severe Acute Respiratory Infection (SARI)* dan kes bergejala ringan di mana, mereka tidak tahu atau tidak memaklumkan status mereka. Dua (2) kes daripada kumpulan ini tidak memaklumkan yang mereka telah menghadiri perhimpunan di Seri Petaling.
- 9 kes (6.5 peratus) dari kontak dengan ahli keluarga yang positif COVID-19
- 6 kes (4.3 peratus) dengan sejarah melawat ke luar Negara
- 4 kes (2.9 peratus) dari rakan yang positif COVID-19
- 3 kes (2.2 peratus) dari pendedahan semasa aktiviti saringan di lapangan
- 2 kes (1.4 peratus) telah hadir perhimpunan di Seri Petaling
- baki kes iaitu 42 kes (30.4 peratus) masih dalam siasatan punca jangkitan.

Semua anggota kesihatan dan barisan hadapan (*frontliners*) termasuk pengamal perubatan swasta dan NGO, yang merawat pesakit perlu menggunakan penutup hidung dan mulut (*facemask*).

Anggota kesihatan juga perlu mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti yang telah disarankan terutamanya dalam memastikan tangan sentiasa bersih, mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*) dan pemakaian alat pelindung diri (PPE) mengikut keperluan, terutama ketika melaksanakan prosedur klinikal.

KKM juga menyeru supaya orang ramai yang datang untuk mendapatkan rawatan memberi maklumat secara jujur mengenai sejarah kontak rapat kes positif COVID-19, kehadiran ke mana-mana perhimpunan dan sejarah perjalanan ke luar Negara.

Bagi anggota kesihatan dan barisan hadapan (*frontliners*), adalah amat penting untuk anda menjaga kesihatan fizikal dan mental

- Ambil masa untuk berehat antara tugas
- Pastikan anda makan secara sihat
- Jangan bersendirian, kongsilah perasaan dan emosi dengan seseorang yang anda percaya
- Saling memberi kata-kata perangsang dan sokong-menyokong di antara rakan sekerja
- Berinteraksilah dengan ahli keluarga
- Dapatkan bantuan sokongan psikososial bila perlu

KKM amat menghargai ahli keluarga anggota kesihatan dan barisan hadapan (*frontliners*) atas sokongan yang diberikan kepada mereka.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Seperti yang termaklum, setakat 3 April 2020, terdapat sebanyak 827 pesakit positif COVID-19 yang telah pulih sepenuhnya dan didiscaj dari wad.

Mengambil iltizam dan semangat juang yang ditunjukkan mereka dalam proses untuk sembuh daripada jangkitan COVID-19, KKM

berharap ini akan memberi harapan kepada pesakit-pesakit lain serta masyarakat untuk kekal optimis dalam pada Negara menghadapi pandemik COVID-19. Masyarakat pula diseru untuk mengelak dari mewujudkan stigma terhadap mereka. malah memberi sokongan moral kepada mereka yang terlibat.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui segala maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

3 April 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 3 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	12
KEDAH	1	81
PULAU PINANG	0	98
PERAK	5	205
SELANGOR	63	863
NEGERI SEMBILAN	4	211
MELAKA	3	73
JOHOR	21	416
PAHANG	13	127
TERENGGANU	18	68
KELANTAN	0	137
SABAH	5	215
SARAWAK	28	239
W.P. KUALA LUMPUR	55	543
W.P. PUTRAJAYA	1	35
W.P. LABUAN	0	10
JUMLAH KESELURUHAN	217	3,333